

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

HTS8160B



MS-MY Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Notis	2
	Hak cipta	2
	Tanda dagangan	2
2	Penting	4
	Keselamatan	4
	Penjagaan Produk	5
	CD manual pengguna	6
3	Teater rumah anda	7
	Unit utama	7
	Kawalan jauh	7
4	Sambungkan teater rumah anda	9
	Penyambung	9
	Sambung ke TV, subwufer dan kuasa	10
	Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain	12
	Sambung dan pasang radio	13
	Sambungkan peranti USB	14
	Sambungkan pemain MP3	14
	Sambung dan pasang dok Philips iPod	15
	Sambungkan ke internet	15
5	Gunakan teater rumah anda	16
	Sebelum anda bermula	16
	Menghidupkan atau siap sedia	16
	Pilih bunyi anda	16
	Mainkan cakera	18
	Mainkan dari radio	19
	Mainkan audio daripada TV atau peranti lain	20
	Main dari peranti USB	20
	Mainkan daripada iPod	20
	Mainkan daripada pemain MP3	21
	Lebih banyak ciri mainan	21

6	Tukar tetapan	23
	Akses menu tetapan	23
	Ubah tetapan video	23
	Tukar tetapan audio	25
	Ubah keutamaan	26
	Sediakan EasyLink	27
	Ubah tetapan lanjutan	29
	Ubah tetapan BD-Live	29
7	Kemas kinikan perisian	30
	Semak versi perisian	30
	Kemas kini perisian daripada rangkaian	30
	Kemas kini perisian daripada peranti USB	30
8	Lekapkan teater rumah ke dinding	31
9	Speksifikasi produk	32
10	Menyelesaikan masalah	34
11	Index	36

1 Notis

Hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Membuat salinan bagi bahan yang dilindungi hak cipta secara tidak sah, termasuk program komputer, fail, siaran dan rakaman bunyi, boleh menjadi pelanggaran hak cipta dan menjadi kesalahan jenayah. Kelengkapan ini tidak seharusnya digunakan untuk tujuan tersebut.

Hak cipta Macrovision

Produk ini menggabungkan teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh tuntutan kaedah beberapa paten A.S dan lain-lain hak harta intelektual yang dimiliki oleh Macrovision Corporation dan pemilik hak yang lain. Penggunaan teknologi perlindungan hak cipta ini mesti mendapat kebenaran daripada Macrovision Corporation, dan dimaksudkan untuk penggunaan tontonan di rumah dan lain-lain tempat yang terhad sahaja melainkan dibenarkan oleh Macrovision Corporation. Kejuruteraan terbalik atau membuka pemasangan adalah dilarang.

Tanda dagangan

AVCHD™

'AVCHD' dan logo 'AVCHD' adalah tanda dagangan Matsushita Electric Industrial Co., Ltd dan Sony Corporation.



BONUSVIEW™

'BD LIVE' dan 'BONUSVIEW' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.



'Blu-ray Disc' dan logo 'Blu-ray Disc' adalah tanda dagangan.



DivX, DivX Ultra Certified, dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.

Produk DivX® Ultra Certified rasmi.

Memainkan semua versi video DivX® (termasuk DivX® 6) dengan main balik fail media DivX® dan DivX® Media Format yang dipertingkatkan.

Memainkan video DivX® dengan menu, sarikata dan trek audio.



Catatan

- DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti Disahkan DivX rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.
- Peranti DivX Certified® inib mesti didaftarkan supaya kandungan DivX Video-atas-Permintaan (VOD) dapat dimainkan. Untuk menjana kod pendaftaran, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com dengan kod ini untuk melengkapkan proses pendaftaran dan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai video DivX.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby, Pro Logic dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.



Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. Paten # s: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,487,535; & paten A.S lain. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS adalah tanda dagangan berdaftar dan logo serta Simbol DTS, DTS-HD dan HTS-HD Advanced Digital Out adalah tanda dagangan DTS, Inc. © 1996-2008 DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.



ENERGY STAR dan tanda ENERGY adalah tanda A.S. yang berdaftar..



HDMI, dan logo HDMI serta High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar LLC pelesenan HDMI.



Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.



iPod adalah tanda dagangan Apple Inc. yang berdaftar di A.S. dan negara lain. "Dibuat untuk iPod" bermaksud bahawa aksesori elektronik itu telah direka bentuk untuk disambungkan secara khusus dengan iPod dan telah diperakui oleh pembangunnya untuk memenuhi piawai prestasi Apple. Apple tidak bertanggungjawab terhadap pengendalian peranti ini atau pematuhannya kepada piawai keselamatan dan pengawalaturannya.




Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, inc.



Windows Media dan logo Windows adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

x.v.Colour

'x.v.Colour' adalah tanda dagangan Sony Corporation.



2 Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda gunakan teater rumah anda. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk pada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, berhampiran dengan teater rumah. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam teater rumah, putuskan sambungan alur keluar kuasa dengan segera. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan teater rumah, kawalan jauh atau bateri berhampiran dengan api terbuka atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Jika teater rumah dialihkan, pastikan tiada regangan dikenakan pada kord kuasa. Regangan pada kord kuasa boleh melonggarkan sambungan dan menyebabkan arka.
- Untuk memutuskan sambungan kord kuasa teater rumah daripada alur keluar kuasa, pastikan anda mempunyai akses penuh kepada kord kuasa pada setiap masa.
- Jika plag sesalur kuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti pemutus sambungan, peranti pemutus sambungan akan sentiasa sedia untuk digunakan.

- Putuskan sambungan teater rumah daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir. Jauhkan diri daripada teater rumah semasa cuaca ribut petir. Jangan sekali-kali sentuh sebarang bahagian produk atau kord kuasanya.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Jangan dedahkan langsung alat kawalan jauh atau bateri kepada hujan, air atau suhu panas melampau.
- Elakkan daripada mengenakan daya yang kuat pada palam kuasa. Palam kuasa yang longgar boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran.
- Sebelum anda menyambung teater rumah ke alur keluar kuasa, pastikan voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan teater rumah ke alur keluar kuasa jika voltan berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan teater rumah!

- Semasa melekapkan teater rumah pada dinding, gunakan hanya pendakap lekapan dinding yang dibekalkan. Kukuhkan lekapan dinding pada dinding yang boleh menyokong gabungan berat teater rumah dan lekapan dinding. Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap pemasangan dinding yang tidak wajar, kecederaan atau kerosakan.
- Jangan sekali-kali letakkan teater rumah atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik lain.
- Jika teater rumah diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhu sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.
- Sinaran laser boleh nampak dan sinaran laser tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.

Risiko kecederaan kepada kanak-kanak!

Ikuti langkah-langkah keselamatan ini untuk mengelakkan teater rumah anda daripada terjatuh dan menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak:

- Jangan sekali-kali letakkan teater rumah pada permukaan yang dialas kain atau bahan lain yang boleh ditarik.
- Pastikan tiada bahagian teater rumah tergantung pada sisi permukaan.
- Jangan sekali-kali letakkan teater rumah di atas perabot yang tinggi (seperti rak buku) tanpa mengukuhkan kedua-dua perabot dan teater rumah pada dinding atau pada tempat sokongan yang sesuai.
- Letakkan teater rumah di tempat ia tidak boleh ditolak, tertarik atau terlanggar.
- Didik kanak-kanak tentang bahaya memanjat perabot untuk mencapai teater rumah.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan sekali-kali pasang teater rumah di dalam ruang yang terkepung. Sentiasa tinggalkan sekurang-kurang empat inci ruang di sekeliling teater rumah untuk pengalihan udara. Pastikan langsir atau objek lain tidak sekali-kali menutupi slot pengalihan udara pada teater rumah.

Risiko kerosakan pendengaran!

- Elakkan daripada menggunakan fon telinga atau fon kepala dengan kelantangan yang tinggi atau dalam tempoh masa yang berpanjangan.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah tandus atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, ia harus dilupuskan dengan betul.

Penjagaan Produk

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

Pembuangan produk dan bateri lama



Kelengkapan elektronik ini mengandungi bilangan bahan yang banyak yang boleh dikitar semula atau digunakan semula jika dibuka oleh syarikat khusus. Jika anda melupuskan mesin lama, sila bawakannya ke pusat kitar semula. Sila amalkan peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri lama dan kelengkapan tua.

CD manual pengguna

Untuk membaca manual pengguna yang lengkap, yang merangkumi maklumat berkenaan ciri lanjutan, gunakan CD yang dibekalkan bersama teater rumah anda. Untuk mendapatkan salinan bercetak manual pengguna yang lengkap, hubungi Penjagaan Pelanggan Philips di negara anda.

Untuk mengakses manual pengguna



Awas

- CD manual pengguna adalah untuk PC atau Mac sahaja. Jangan masukkan CD manual pengguna ke dalam petak cakera teater rumah.

Keperluan:


- PC (serasi Microsoft Windows) atau Mac (OS X) dengan CD-ROM
- Adobe Reader

- 1 Masukkan CD manual pengguna ke dalam dulang CD-ROM.
- 2 Tutup dulang CD-ROM.
 - ↳ Skrin manual pengguna muncul. Jika skrin manual pengguna tidak muncul, langkai Langkah 3 dan navigasi ke folder 'pdf' folder dalam CD-ROM, lalu klik dua kali pada PDF pilihan anda.
- 3 Klik bahasa manual pengguna.
 - ↳ Acrobat Reader dilancarkan, lalu memaparkan manual pengguna yang lengkap dalam bahasa pilihan anda.

3 Teater rumah anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat manfaat penuh daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan teater rumah anda di www.philips.com/welcome.


Unit utama



- ① **Panel paparan**
Paparkan status terkini teater rumah atau maklumat cakera.
- ② **IR sensor**
Mengeskan isyarat daripada kawalan jauh. Halakan kawalan jauh secara terus ke sensor.
- ③ **⏻ (Bersedia-Hidup/Penunjuk kuasa)**
 - Hidupkan teater rumah (penunjuk kuasa menjadi warna putih).
 - Alihkan teater rumah kepada siap sedia (penunjuk kuasa menjadi warna merah).

- ④ **SOURCE**
Pilih sumber audio untuk teater rumah.
- ⑤ **Petak cakera**
- ⑥ **Roda kawalan kelantangan**
Putar mengikut arah jam untuk menaikkan kelantangan atau melawan arah jam untuk mengurangkan kelantangan.
- ⑦ **Butang main balik**
Mengawal main balik.
- ⑧ **▲ (Buka/Tutup)**
Buka atau tutup petak cakera.

Kawalan jauh



- ① **⏻ (Bersedia-Hidup)**
 - Hidupkan atau alihkan teater rumah ke mod siap sedia.
 - Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti yang mematuhi HDMI CEC yang bersambung ke siap sedia.
- ② **⬆ (Buka/Tutup)**
Buka atau tutup petak cakera.
- ③ **Butang sumber**
 - **DISC / POP-UP MENU:** Beralih ke sumber cakera. Akses menu cakera bagi cakera DVD atau menu pop timbul bagi cakera Blu-ray.
 - **RADIO:** Beralih ke radio FM.
 - **AUDIO SOURCE:** Pilih input audio.
 - **USB / iPod DOCK:** Pilih Philips iPod Dock atau peranti penyimpanan USB.
- ④ **Butang berwarna**
Cakera Blu-ray sahaja: Pilih tugas atau pilihan.
- ⑤ **🏠 (Menu laman utama)**
Akses menu utama.
- ⑥ **☰ OPTIONS**
Akses pilihan untuk aktiviti atau pemilihan semasa.
- ⑦ **⬆⬆⬆ (Butang navigasi)**
Navigasi menu.
- ⑧ **OK**
Sahkan entri atau pemilihan.
- ⑨ **i INFO**
Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
- ⑩ **Butang main balik**
Mengawal main balik.
- ⑪ **🔇 (Senyap)**
Bisukan atau simpan semula output audio.
- ⑫ **TREBLE/BASS**
Tukar trebel atau bes. Gunakan dengan **⬇ +/-**.
- ⑬ **SOUND MODE**
Pilih mod bunyi.
- ⑭ **Butang angka**
Pilih item atau tetapan.
- ⑮ **SUBTITLE**
Pilih bahasa sari kata untuk video.
- ⑯ **REPEAT / PROGRAM**
 - Pilih atau matikan mod ulang.
 - Dalam mod radio, programkan stesen radio.
- ⑰ **HDMI**
Pilih resolusi video bagi output HDMI dari teater rumah.
- ⑱ **BONUS VIEW**
Cakera Blu-ray sahaja: Dayakan atau nyahdayakan Bonus View/ciri Gambar-dalam-Gambar.
- ⑲ **AUDIO SYNC**
Segerakkan audio dengan video. Gunakan dengan **⬇ +/-**.
- ⑳ **AUDIO**
 - Dalam mod video, togol antara bahasa audio.
 - Dalam mod radio, togol antara stereo dan mono.
- ㉑ **⬇ +/- (Kelantangan +/-)**
Naikkan atau kurangkan kelantangan.
- ㉒ **AMBISOUND**
Pilih suatu mod Ambisound.
- ㉓ **↶ BACK**
Kembali ke skrin menu sebelumnya.
- ㉔ **TOP MENU**
Akses menu utama bagi Blu-ray atau menu tajuk bagi cakera DVD.

4 Sambungkan teater rumah anda


Bahagian ini membantu anda menyambungkan teater rumah anda kepada TV dan peranti lain. Ia menambah contoh yang disediakan dalam Mula Pantas. Untuk panduan interaktif komprehensif, lihat www.connectivityguide.philips.com.

Catatan

- Rujuk kepada plat jenis di belakang atau di bawah produk untuk pengenalpastian dan pengedaran bekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.

Penyambung

Penyambung hadapan




Catatan

- Tekan selak di kiri panel untuk mengakses penyambung hadapan.


- ① **MP3 LINK**
Input audio daripada pemain MP3.
- ② **USB**
Input audio, video atau gambar daripada peranti USB.

Penyambung belakang



- ① **iPod DOK**
Sambung ke dok Philips iPod.
- ② **DIGITAL AUDIO IN**
Sambung ke output audio digital pada TV.
- ③ **OPTICAL IN**
Sambung ke output audio optik pada TV.
- ④ **HDMI OUT**
Sambung ke input HDMI pada TV.
- ⑤ **LAN**
Sambung ke internet. Gunakan untuk naik taraf perisian dan BD-Live.
- ⑥ **COMPONENT VIDEO OUT**
Sambung ke input video komponen pada TV.
- ⑦ **VIDEO OUT (CVBS)**
Sambung ke input video pada TV.
- ⑧ **AUX 1**
Sambung ke output audio analog pada TV.
- ⑨ **TO SUBWOOFER**
Sambung ke output audio pada pembesar suara subwufer.

Penyambung subwufer



- ① **TO MAIN UNIT**
Sambung ke **TO SUBWOOFER** penyambung pada unit utama.
- ② **MAINS**
Sambung ke bekalan kuasa.
- ③ **AUDIO IN AUX 2/AUX 3**
Sambung ke output audio analog pada peranti analog.
- ④ **FM ANTENNA FM 75Ω**
Sambung untuk isyarat radio FM.


Sambung ke TV, subwufer dan kuasa

Sambung ke TV

Sambung teater rumah anda secara terus ke TV melalui salah satu penyambung berikut (dari kualiti paling tinggi hingga ke kualiti asas):

- ① **HDMI**
- ② **Video komponen (Y Pb Pr)**
(tidak dibekalkan)
- ③ **Video komposit (CVBS)**
(tidak dibekalkan)

Pilihan 1: Sambungkan ke TV melalui HDMI



Catatan


- Jika HDTV anda mempunyai penyambung DVI, sambung menggunakan penyesuai HDMI/DVI.
- Jika TV anda menyokong EasyLink HDMI CEC, kawal teater rumah dan TV dengan satu kawalan (lihat 'Sediakan EasyLink' di halaman 27) jauh.

Pilihan 2: Sambungkan ke TV melalui YPbPr (video komponen)


Catatan

- Kabel atau penyambung video komponen mungkin dilabel **Y Cb Cr** atau **YUV**.

(Kabel tidak dibekalkan)



Sambungkan subwufer



Sambungkan kord kuasa



Awas



- Risiko kerosakan produk! Pastikan voltan bekalan kuasa sepadan dengan voltan yang dicetak pada bahagian bawah atau bahagian belakang teater rumah.

Pilihan 3: Sambungkan ke TV melalui video komposit (CVBS)

Catatan

- Kabel atau penyambung video komposit mungkin dilabel **AV IN**, **VIDEO IN**, **COMPOSITE** atau **BASEBAND**.

(Kabel tidak dibekalkan)



Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain

Gunakan teater rumah anda untuk memainkan audio daripada TV anda atau peranti lain seperti kotak kabel. Pilih daripada penyambung berikut.



Petua

- Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih output audio bagi sambungan anda.


Pilihan 1: Sambungkan audio melalui kabel sepaksi digital



Catatan

- Kabel atau penyambung sepaksi digital mungkin dilabel **COAXIAL DIGITAL OUT** atau **SPDIF OUT**.

(Kabel dibekalkan dengan HTS8161B sahaja)




Pilihan 2: Sambungkan audio melalui kabel optik digital



Catatan

- Kabel atau penyambung optik digital mungkin dilabel sebagai **SPDIF OUT** atau **OPTICAL OUT**.


(Kabel tidak dibekalkan)




Pilihan 3: Sambungkan audio melalui kabel audio analog

(Kabel tidak dibekalkan)


Sambungkan audio daripada satu peranti:



Sambungkan audio daripada dua atau lebih peranti:



Sambung dan pasang radio



- 1 Sambungkan satu hujung antenna FM yang dibekalkan ke **FM75Ω** penyambung pada subwufer.
- 2 Ikat satu lagi hujung antenna pada dinding atau perabot.



Petua

- Untuk penerimaan terbaik, letakkan antenna jauh daripada TV atau sumber sinaran lain.
- Untuk penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan antenna FM luaran (tidak dibekalkan).

Memasang stesen radio

- 1 Tekan **RADIO** pada kawalan jauh.
- 2 Tekan ►.
↳ Mesej "INSTALLATION IN PROGRESS" dipaparkan dan teater rumah mencari dan menyimpan stesen radio. Selepas pemasangan, teater rumah memainkan stesen radio pertama yang ia jumpai.



Catatan

- Teater rumah boleh menyimpan sehingga 40 stesen radio.
- Anda boleh menekan ■ untuk menghentikan pemasangan.
- Jika anda tidak melengkapkan pemasangan, atau jika kurang daripada lima stesen dijumpai, anda digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi.
- Jika kurang daripada lima stesen dijumpai atau jika isyarat stereo tidak dikesan, periksa sama ada antenna FM telah disambung dengan betul.

Memasang semula stesen radio

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan dan tahan **PROGRAM** selama 5 saat.
↳ Teater rumah mencari dan menyimpan stesen radio. Semua stesen yang disimpan sebelum ini akan digantikan.

Menala stesen radio secara manual


Anda boleh menala stesen radio secara manual.

- 1 Tekan **RADIO**, kemudian tekan ◀ atau ▶.
↳ Teater rumah mencari stesen radio dan berhenti mencari apabila ia menjumpai stesen.
- 2 Tekan ◀ atau ▶ sehingga anda menjumpai stesen yang anda gemari.
- 3 Tekan ▲ atau ▼ untuk menala haluskan stesen itu.
- 4 Tekan **PROGRAM**.
↳ Nombor stesen yang dipratetap berkelip.
- 5 Dalam 20 saat, tekan ◀, ▶ atau butang nombor untuk memilih nombor untuk stesen radio.
Jika anda menunggu lebih daripada 20 saat, teater rumah keluar daripada pemasangan.
- 6 Tekan **PROGRAM** untuk mengesahkan nombor stesen.
↳ Stesen radio disimpan dengan nombor saluran yang dipilih.

Sambungkan peranti USB

Anda boleh memainkan fail media daripada jenis peranti USB berikut:


- Pemacu denyar
- Pembaca kad memori
- Pemacu cakera keras dengan sumber kuasa luaran
- Kamera digital



Catatan

- Jika peranti USB tidak muat dalam penyambung, gunakan kabel sambungan USB.
- Teater rumah tidak menyokong kamera digital yang memerlukan program PC untuk memaparkan foto.
- Peranti USB mesti terformat FAT atau DOS, dan mematuhi Kelas Penyimpanan Massa.
- Maklumat lanjut mengenai cara memainkan peranti USB ada disediakan (lihat 'Main dari peranti USB' di halaman 20).


Sambungkan pemain MP3



Catatan

- Maklumat lanjut mengenai memainkan audio daripada pemain MP3 ada disediakan (lihat 'Mainkan daripada pemain MP3' di halaman 21).

Sambung dan pasang dok Philips iPod




- 1 Sambungkan stesen dok iPod (tidak dibekalkan) ke **iPod DOCK** bicu.
- 2 Hidupkan iPod anda dan letakkan pada stesen dok.
- 3 Untuk melihat video:
 - sambungkan kabel video dari stesen dok ke TV anda; kemudian
 - hidupkan **TV ON** pada iPod anda.
- 4 Tekan **iPod DOCK** pada kawalan jauh teater rumah.
 - ↳ Teater rumah menguji keserasian iPod anda. Masa yang diambil bergantung pada model iPod.

Catatan

- Apabila iPod berada di dok dan teater rumah pada mod iPod, iPod akan dicas.
- Maklumat lanjut mengenai cara untuk memainkan daripada iPod ada disediakan (lihat 'Mainkan daripada iPod' di halaman 20).

Sambungkan ke internet

Sambung teater rumah ke internet untuk kemas kini perisian dan aplikasi BD-Live (lihat 'BD-Live' di halaman 19). Pastikan anda mempunyai akses jalur lebar dan firewall anda dinyahdayakan. Kabel rangkaian tidak dibekalkan.



- 1 Sambungkan teater rumah ke modem atau penghala jalur lebar.
- 2 Hidupkan TV anda dan beralih ke sumber untuk teater rumah yang betul.
- 3 Tekan **▲**, pilih **[Setting]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Psdiaan Lanjutn] > [Rangkaian] > [Strus]**.
- 5 Tekan **OK**.
 - ↳ Teater rumah bersambung kepada internet. Jika sambungan gagal, pilih **[Cuba semula]**, kemudian tekan **OK**.
- 6 Pilih **[Selesai]**, kemudian tekan **OK** untuk keluar.

Catatan

- Gunakan kabel lurus RJ45. Jangan gunakan kabel lintasan.

5 Gunakan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda menggunakan teater rumah anda untuk memainkan media daripada pelbagai sumber termasuk cakera, peranti penyimpanan USB, iPod, pemain MP3 dan radio FM.

Sebelum anda bermula

Periksa sama ada anda:

- Membuat sambungan yang diperlukan seperti yang digambarkan dalam Mula Pantas dan manual (lihat 'Sambungkan teater rumah anda' di halaman 9) ini.
- Lengkapkan persediaan kali pertama. Persediaan kali pertama muncul apabila anda menghidupkan teater rumah pada kali pertama. Jika anda tidak melengkapkan persediaan tersebut, anda akan digesa untuk melengkapkannya setiap kali anda menghidupkan teater rumah.
- Menukar TV kepada sumber yang betul untuk teater rumah ini.

Menghidupkan atau siap sedia

Untuk menghidupkan

Apabila  (**Penunjuk kuasa**) merah, teater rumah berada dalam siap sedia.

Tekan  (**Bersedia-Hidup**) pada unit utama atau kawalan jauh untuk menghidupkan teater rumah.

Untuk tukar kepada siap sedia

Apabila penunjuk kuasa adalah putih, teater rumah dihidupkan.

Tekan  (**Bersedia-Hidup**) pada unit utama atau kawalan jauh untuk kawalan jauh untuk menukar teater rumah kepada siap sedia.



Petua

- Walaupun teater rumah menggunakan sangat sedikit kuasa dalam keadaan siap sedia, tenaga masih terus digunakan. Apabila tidak digunakan untuk tempoh yang lama, putuskan kabel kuasa daripada alur keluar kuasa.
- Jika teater rumah anda disambungkan ke TV melalui HDMI, gunakan EasyLink HDMI CEC untuk mengawal kedua-dua produk (lihat 'Sediakan EasyLink' di halaman 27).

Pilih bunyi anda

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.

Tukar kelantangan

Untuk menaikkan atau mengurangkan kelantangan


- Tekan  +/- pada kawalan jauh.
- Sentuh dan putarkan roda kawalan kelantangan pada unit utama.

Untuk membisu atau menyahbisukan bunyi

- Tekan  pada kawalan jauh untuk membisu bunyi.
- Tekan  sekali lagi atau tekan  + untuk memulihkan bunyi.

Tukar trebel atau bes


Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel) atau frekuensi rendah (bes) teater rumah untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.



- 1 Tekan **TREBLE** atau **BASS**.
- 2 Tekan $\triangle$ +/- untuk menaikkan atau menurunkan trebel atau bes.

Tukar mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.




Tekan **SOUND MODE** berulang kali untuk mengitar melalui mod bunyi yang tersedia.

Mod bunyi	Perihalan
ACTION / ROCK	Julat rendah dan tinggi dipertingkatkan. Sempurna untuk filem aksi dan muzik rock atau pop.
DRAMA / JAZZ	Julat sederhana dan tinggi yang jelas. Sempurna untuk filem drama dan muzik jazz.
CONCERT/ CLASSIC	Bunyi neutral. Sempurna untuk konsert secara langsung dan muzik klasik.
GAMING / PARTY	Julat rendah yang sederhana dan julat pertengahan yang kuat. Sempurna untuk permainan video dan muzik parti.

Mod bunyi	Perihalan
SPORTS	Kesan julat pertengahan yang sederhana dan surround untuk vokal yang jelas serta suasana venue sukan secara langsung.
NEWS	Julat pertengahan dipertingkatkan untuk vokal dan pertuturan yang jelas.

Tukar mod Ambisound

Alami pengalaman audio yang mengelilingi persekitaran dengan mod Ambisound.




Tekan **AMBI SOUND** berulang kali untuk mengitar melalui beberapa mod Ambisound yang tersedia.

Mod Ambisound	Perihalan
AUTO	Memilih secara automatik mod Ambisound yang terbaik untuk video atau muzik anda. Dihidupkan secara lalai.
MULTI-CHANNEL	Bunyi berbilang saluran yang mengelilingi persekitaran untuk pengalaman filem yang dipertingkatkan.
STEREO	Bunyi stereo dua saluran. Sesuai untuk mendengar muzik.

Mainkan cakera

Teater rumah anda boleh memainkan pelbagai jenis cakera, daripada video (Blu-ray, DVD, VCD) sehinggalah kepada audio dan juga cakera media gabungan (contohnya, CD-R yang mengandungi gambar JPEG dan muzik MP3).



- 1 Tekan **▲** untuk membuka petak cakera.
- 2 Masukkan cakera dengan labelnya menghadap ke hadapan. Pada cakera dwimuka, letakkan label yang anda hendak mainkan menghadap ke hadapan.
 - ↳ Petak cakera akan tertutup secara automatik. Cakera dimainkan atau teater rumah pergi ke menu utama cakera.

DISC muncul pada panel paparan.
- 3 Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
TOP MENU	Akses menu utama cakera video.
Butang navigasi	Navigasi menu.
OK	Sahkan entri atau pemilihan.
► (main)	Mula atau sambung semula main. Jika Easylink didayakan, TV akan beralih ke saluran yang betul secara automatik semasa anda memainkan cakera.
⏏	Jedakan main.
■	Hentikan main.
⏮ / ⏭	Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
⏮ / ⏭	Mengundur atau memaju dengan laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
▲ / ▼	Putarkan gambar melawan arah jam atau mengikut arah jam.
⏮ / ⏭	Langkau ke gambar sebelum atau seterusnya.
REPEAT	Pada cakera audio, ulang trek, keseluruhan cakera atau shuffle trek. Pada cakera video, ulang bab atau tajuk.
i INFO	Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
⏏ OPTIONS	Akses pilihan video, gambar, dan audio.
AUDIO	Dalam mod video, togol antara bahasa audio.
SUBTITLE	Pilih bahasa sari kata untuk video.



Catatan

- Jika cakera Blu-ray dimainkan, cahaya biru muncul pada panel paparan.

Gunakan ciri Blu-ray

Ciri tambahan tersedia pada cakera Blu-ray.

Gunakan Bonus View pada Blu-ray

Cakera Blu-ray yang menyokong ciri Bonus View (juga dikenali sebagai Gambar-dalam-Gambar) membenarkan anda untuk menonton kandungan khas seperti komentar pengarah semasa menonton ciri utama.

- 1 Jika perlu, dayakan Bonus View atau Gambar-dalam-Gambar dalam menu cakera Blu-ray.
- 2 Semasa bermain kembali ciri utama, tekan **BONUS VIEW**.
↳ Video Bonus View muncul pada skrin dalam tettingkap kecil.
- 3 Tekan **BONUS VIEW** untuk menutup video Bonus View.

BD-Live

Cakera Blu-ray terdaya BD-Live menyertakan perkhidmatan eksklusif seperti perbualan dan permainan dalam talian serta lain-lain bonus dalam talian seperti gazet filem.

Catatan

- Kepelbagaian perkhidmatan BD-Live bergantung pada cakera.
- Apabila anda menggunakan BD-Live, data pada cakera dan teater rumah diakses oleh pembekal kandungan.
- Sebelum menggunakan BD-Live, pastikan teater rumah disambungkan kepada internet dan akses rangkaian disediakan dengan betul (lihat 'Sambungkan ke internet' di halaman 15).

Akses BD-Live

- 1 Dalam menu cakera Blu-ray, tekan butang navigasi untuk memilih ikon BD-Live.
- 2 Tekan **OK**.
↳ BD-Live mula dimuatkan. Masa memuat bergantung pada cakera dan sambungan internet anda.

Navigasi BD-Live

- 1 Tekan butang navigasi untuk menavigasi BD-Live
- 2 Tekan **OK** untuk memilih item

Catatan

- Jika memori tidak mencukupi untuk memuat turun kandungan BD-Live, kosongkan ruang penyimpanan tempatan (lihat 'Kosongkan memori tempatan' di halaman 29).

Mainkan dari radio

Catatan

- Radio AM dan digital tidak disokong.

- 1 Sambung antena dan pasang stesen (lihat 'Sambung dan pasang radio' di halaman 13) radio.
- 2 Tekan **RADIO**.
↳ **RADIO** muncul pada panel paparan. Jika nama stesen radio FM dipancarkan, ia akan dipaparkan.
- 3 Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
	Pilih stesen radio pratetap.
	Cari stesen radio.
	Tala haluskan frekuensi radio.
	Tekan dan tahan untuk memadam stesen radio pratetap.
AUDIO	Dalam mod radio, togol antara stereo dan mono.
PROGRAM	Dalam mod radio, programkan stesen radio.

Mainkan audio daripada TV atau peranti lain

Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih output audio bagi peranti yang tersambung (lihat 'Sambungkan audio daripada TV atau peranti lain' di halaman 12).

Main dari peranti USB

Teater rumah anda dilengkapi penyambung USB yang membolehkan anda melihat gambar, mendengar muzik atau menonton filem yang disimpan pada peranti penyimpanan USB.

Catatan

- Pastikan TV disambung kepada teater rumah sebelum memainkan fail media daripada peranti USB.

- 1 Sambung peranti USB kepada teater (lihat 'Sambungkan peranti USB' di halaman 14) rumah.
- 2 Tekan **USB**.
↳ Penyemak imbas kandungan akan muncul.
- 3 Tekan butang navigasi untuk memilih fail, kemudian tekan ►(main).
- 4 Gunakan butang berikut untuk mengawal mainan:

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Navigasi menu.
OK	Sahkan entri atau pemilihan.
►(main)	Mula atau sambung semula main
⏸	Jedakan main.
■	Hentikan main.
◀ / ▶	Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
◀◀ / ▶▶	Mengundur atau memaju dengan laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
▲ / ▼	Putarkan gambar melawan arah jam atau mengikut arah jam.
◀ / ▶	Langkau ke gambar sebelum atau seterusnya.
REPEAT	Ulang fail tunggal dalam folder atau ulang keseluruhan folder. Shuffle fail dalam folder.
	Akses pilihan video, gambar, dan audio.
OPTIONS	

Mainkan daripada iPod

Dengan menyambung dan memasang Philips iPod Dock (dijual berasingan), anda boleh menggunakan teater rumah anda untuk memainkan fail media pada iPod anda, termasuk muzik, filem dan gambar.

- 1 Sambungkan dok Philips iPod kepada teater (lihat 'Sambung dan pasang dok Philips iPod' di halaman 15) rumah.
- 2 Hidupkan iPod dan letakkan di dok.
- 3 Tekan **iPod DOCK**.
↳ **iPod DOCK** muncul pada panel paparan.
- 4 Gunakan kawalan iPod untuk memilih dan memainkan kandungan.

Mainkan daripada pemain MP3

Sambungkan dan mainkan fail audio daripada pemain MP3 atau peranti audio luaran lain.

- 1 Sambungkan pemain MP3 ke teater rumah (lihat 'Sambungkan pemain MP3' di halaman 14).
- 2 Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga **MP3 LINK** muncul pada panel paparan.
- 3 Gunakan butang pada pemain MP3 anda untuk memilih dan memainkan fail audio.

Lebih banyak ciri mainan


Beberapa ciri lanjutan tersedia untuk mainan video atau gambar daripada cakera, peranti USB atau iPod.

Gunakan pilihan video

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat video.

Sesetengah pilihan video tidak tersedia untuk sesetengah sumber video.

- 1 Semasa mainan video, tekan **⏏ OPTIONS**.
➔ Menu pilihan video muncul.




- 2 Tekan butang navigasi dan **OK** untuk memilih dan melaraskan:
 - **[Bahasa Audio]**: Tukar bahasa audio bagi video.

- **[Bahasa Sari kata]**: Tukar bahasa sari kata bagi video.
- **[Carian Msa]**: Langkau pantas ke bahagian tertentu video dengan memasukkan masa kejadian.
- **[Tajuk]**: Pilih tajuk tertentu.
- **[Bab]**: Pilih bab tertentu.
- **[Snrai Sdut]**: Pilih sudut pandangan berbeza.
- **[Pemilihan PIP]**: Paparkan tetingkap Picture-in-Picture.
- **[Zum]**: Zum ke dalam pemandangan video. Tekan **◀/▶** untuk memilih faktor zum.
- **[Ulang]**: Pilih atau matikan mod ulang.
- **[Ulang A-B]**: Gelung dua mata dalam bab. Tekan **OK** untuk memulakan gelung dan **OK** sekali lagi untuk menamatkan gelung. Tekan **OK** untuk keluar daripada gelung.
- **[Seting Gambar]**: Pilih tetapan gambar yang dipraktikkan. Tetapan ini juga tersedia dalam menu (lihat 'Pilih tetapan warna' di halaman 25) utama.

Gunakan pilihan gambar

Akses beberapa ciri berguna semasa melihat gambar.

- 1 Semasa gambar dipaparkan daripada cakera atau peranti USB, tekan **⏏ OPTIONS**.
➔ Menu pilihan gambar dipaparkan.




- 2 Tekan butang navigasi dan **OK** untuk memilih dan melaraskan:
- **[Putar +90]**: Putar gambar 90 darjah mengikut arah jam.
 - **[Putar -90]**: Putar gambar 90 darjah melawan arah jam.
 - **[Zum]**: Zum ke dalam gambar. Tekan **◀/▶** untuk memilih faktor zum.
 - **[Tempoh tiap slaid]**: Tetapkan kelajuan paparan untuk setiap gambar dalam tayangan slaid.
 - **[Animasi Slaid]**: Pilih animasi untuk tayangan slaid.
 - **[Seting Gambar]**: Pilih tetapan gambar yang dipraktakrifkan.

Gunakan pilihan audio

Akses beberapa ciri berguna semasa audio dimainkan.

- 1 Semasa audio dimainkan, tekan **⌂** **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan audio dipaparkan.



- 2 Tekan butang navigasi dan **OK** untuk memilih dan melaraskan:
- **[Ulang]**: Pilih atau matikan mod ulang.
 - **[Ulang A-B]**: Gelung dua mata dalam trek. Tekan **OK** untuk memulakan gelung dan **OK** sekali lagi untuk menamatkan gelung. Tekan **OK** untuk keluar daripada gelung.
 - **[Rombak]**: Mainkan trek audio dalam susunan rawak.

Main pertunjukan slaid muzik

Main muzik dan gambar secara serentak untuk membuat pertunjukan slaid muzik. Fail perlu disimpan pada cakera sama atau peranti USB.

- 1 Pilih trek muzik, kemudian tekan **▶** (main).
- 2 Tekan **↶** **BACK** untuk kembali ke menu utama.
- 3 Pilih gambar, kemudian tekan **▶** (main) untuk memulakan pertunjukan slaid.
- 4 Tekan **■** untuk menghentikan pertunjukan slaid.
- 5 Tekan **■** sekali lagi untuk menghentikan muzik.

Menyegerak audio dengan video

Jika audio dan video tidak segerak, anda boleh menunda audio untuk sepadan dengan video.

- 1 Tekan **AUDIO SYNC**.
↳ **AUDIO SYNC** muncul pada panel paparan.
- 2 Tekan **⏮** **+/-** dalam masa lima saat untuk menyegerakkan audio dengan video anda.

6 Tukar tetapan

Bahagian ini membantu anda mengubah tetapan teater rumah anda.



Awas

- Kebanyakan tetapan telah dikonfigurasi dengan nilai terbaik untuk teater rumah. Melainkan anda mempunyai sebab tertentu untuk mengubah tetapan, lebih baik ia dibiarkan pada nilai lalai.




Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang telah dikelabukan.

Akses menu tetapan

- 1 Tekan , pilih **[Seting]**, dan kemudian tekan **OK**.
↳ Menu berikut muncul.



- 2 Tekan  atau  untuk memilih menu persediaan, kemudian tekan .
- 3 Tekan  **BACK** untuk kembali ke menu sebelumnya atau tekan  untuk keluar.

Ubah tetapan video

Pilih bahasa audio, sari kata atau menu bagi cakera



Catatan

- Bagi sesetengah cakera, anda mesti menggunakan menu cakera untuk menukar bahasa audio.
- Jika anda memilih bahasa yang tidak tersedia pada cakera, teater rumah akan menggunakan bahasa lalai cakera.

- 1 Tekan , pilih **[Seting]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 2 Pilih **[P'sediaan Video]**, kemudian tekan .
- 3 Pilih **[Audio]**, **[Sarikata]** atau **[Menu Cakera]**, dan kemudian tekan .
- 4 Pilih bahasa audio, sari kata atau menu bagi cakera, kemudian tekan **OK**.

Pilih format gambar



Catatan

- Sesetengah pilihan video tidak tersedia untuk sesetengah sumber video.

- 1 Tekan , pilih **[Seting]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 2 Pilih **[P'sediaan Video]** > **[Paparan TV]**, kemudian tekan .
- 3 Pilih format paparan, kemudian tekan **OK**.



[4:3 Kotak surat] - Untuk skrin TV 4:3: paparan skrin lebar dengan bar hitam di bahagian atas dan bawah skrin.



[4:3 Imbas sorot] - Untuk skrin TV 4:3: paparan ketinggian penuh dengan tepi yang dipotong.



[16:9 Skrin lbr] - Untuk TV skrin lebar: nisbah paparan 16:9.

Tetapkan resolusi video HDMI untuk TV anda

! Awas

- Secara lalai, teater rumah memilih resolusi video terbaik untuk TV anda secara automatik. Melainkan anda mesti memilih resolusi video tertentu, jangan ubah tetapan ini.

☰ Catatan

- TV anda mesti disambungkan melalui HDMI.

